

# AIDILFITRI: NYAWA DIHARGAI, SELAMAT KE DESTINASI, KEMERIAHAN DIRASAI

OLEH: JHEAINS & JABATAN KESELAMATAN JALAN SABAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ، أَشْهَدُ أَنْ  
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةً تُنْجِي قَائِلَهَا مِنْ عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. وَاتَّقُوا  
اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

## MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan taqwa yang sebenar-benarnya, yakni taqwa dalam erti kata melaksanakan segala titah perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya.

Sesungguhnya beruntunglah orang bertaqwa, malahan Allah SWT akan menolong dan menyelamatkan hamba-hamba-Nya yang bertaqwa itu. Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۖ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ  
بَلِغُ أَمْرِهِ ۗ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ۝

Maksudnya: "...dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya). Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu". (Surah At-Talaq, ayat 2-3)

## JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Hari Raya Aidilfitri pada hari ini bertepatan dengan Hari Jumaat yang merupakan penghulu segala hari. Maka kemeriahan Aidilfitri yang disambut oleh seluruh umat Islam amat bermakna kerana pada hari sama

hari penuh kemuliaan lagi penuh barakah ini dua solat, ditunaikan pada hari sama, iaitu Solat Sunat Aidilfitri dan Solat Fardu Jumaat, ia merupakan hari bersejarah bagi umat Islam.

### **JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,**

Bersempena 01 Syawal hari mulia, merupakan hari kemenangan serta hari kegembiraan bagi seluruh umat Islam, khatib ingin menyampaikan pesanan yang sangat dianjurkan dalam Islam, tentang keutamaan Aidilfitri, menjalinkan ukhuwah Islamiah dan peri pentingnya menjaga keselamatan semasa balik kampung, iaitu:

#### **Pertama: Rayakan Aidilfitri dengan Syariat**

Aidilfitri bukan semata-mata hari perayaan, hakikatnya Aidilfitri adalah hari umat Islam yang berpuasa kembali kepada fitrah suci bersih, hari kemenangan dan kegembiraan. Maka Islam sebagai agama Syariat yang telah ditentukan oleh Allah SWT memberikan panduan, rujukan terbaik dan mesti diamalkan oleh umat Islam ketika menyambut hari raya Aidilfitri ini, kesemua panduan itu ada termaktub di dalam Al Quran, Sunnah Rasulullah SAW serta Ijmak Ulama dan Qiyas.

Islam memberikan umatnya kaifiyat atau cara menyambut dan merayakan Hari Raya Aidilfitri ini. Iaitu umat Islam mesti merayakan Aidilfitri ini dengan membesarkan Allah SWT, mengikut Sunnah Rasul-Nya dan mengutamakan syariat-Nya.

Dimulakan dengan kalimah Takbir, Tasbih, Tahmid sebagai tanda membesar dan mengagungkan Allah SWT dan memartabatkan Syariat dan syiar Islam, yakni menyambut Aidilfitri dengan panduan Syariat Islam yang indah lagi syumul.

Bila Syariat Islam didahulukan pasti kebaikan, keberkatan dan ukhuwah akan sentiasa hidup dan subur dalam kehidupan, pergaulan dan hidup bermasyarakat. Oleh itu, antara perkara-perkara yang terbaik sepanjang menyambut Aidilfitri, antaranya ialah:

1. Memberi ucapan tahniah sesama Islam: *'TAQABALALLAHU MINNA WA MINKUM'* (Semoga Allah menerima segala amal puasa, amal soleh dari kita semua)
2. Melakukan amalan ziarah-menziarah.
3. Menjaga ibadah fardu seperti Solat Fardu lima waktu
4. Saling bermaaf-maafan.
5. Sentiasa mengeratkan jalinan ukhuwah dan silaturrahmi.
6. Meraikan dan menjamu tetamu yang datang dengan mesra dan juadah yang sederhana.
7. Mengelakkan pembaziran dalam menyediakan juadah.
8. Memelihara batas-batas pergaulan antara lelaki dan wanita bukan muhrim.

#### **Kedua: Mantapkan ukhuwah dan perpaduan**

Aidilfitri inilah masa paling sesuai kita mengilap kembali jalinan ukhuwah dan silaturrahmi, kerana umat Islam yang beriman itu adalah bersaudara. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: “*Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelengkah) itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat*”. (Surah Al-Hujuraat, ayat 10)

Ketahuilah, bahawa Islam itu agama persaudaraan dan perpaduan. Marilah kita menjalin ukhuwah, memantap silaturrahi pasti akan mengukuh perpaduan umat Islam. Di antara amalan yang dapat mengukuhkan perpaduan ummah itu, ialah hidup bermuafakat, berkerjasama, tolong-menolong, bermaaf-maafan dan saling bersefahaman serta saling kenal-mengenal antara satu sama lain.

Justeru itu, ikat dan jalinlah ukhuwah, silaturrahi dan perpaduan ini dengan tali iman dan Islam, pasti umat Islam akan bertambah kuat dan kukuh perpaduannya.

Pegang teguhlah tali Allah, yakni agama Islam. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا ...

Maksudnya: “*Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara...*” (Surah Ali ‘Imran, ayat 103)

Maka bersempena hari mulia lagi barakah Aidilfitri ini bersama-sama kita suburkan ukhuwah, mantap silaturrahi dan kukuhkan perpaduan demi mencari rahmat, berkat dan redha di sisi Allah SWT.

## **JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

### **Ketiga: Hargai nyawa dan pastikan keselamatan**

Hidup mati adalah ketentuan yang ditakdirkan oleh Allah SWT. Manakala mengelak kecelakaan, kemalangan serta berusaha memelihara keselamatan diri, keluarga dan orang lain adalah sebahagian daripada perintah di dalam Syariat Islam. Firman Allah SWT:

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ ثُمَّ يَتَوَفَّاكُمْ ۗ وَمِنْكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَىٰ أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْ لَا يَعْلَمَ بَعْدَ عِلْمٍ شَيْئًا ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ قَدِيرٌ ﴿٧٠﴾

Maksudnya: “*Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada), kemudian Dia (Allah) menyempurnakan tempoh umur kamu, (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya) dan ada pula di antara kamu yang dikembalikan kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebudak-budakan), sehingga menjadilah dia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa*”. (Surah An-Nahl, ayat 70)

Oleh itu, kita patut bersyukur atas nikmat yang Allah SWT kurniakan melalui nikmat nyawa yang membolehkan kita merasai indahnya kehidupan, keindahan alam, merasai sedapnya makanan dan menggunakan segala macam lagi rahmat lain kurniaan Allah SWT kepada kita.

Ingatlah, bahawa apabila nyawa terpisah dari badan, berakhirlah segala nikmat dan rahmat yang kita rasai selama itu. Namun, Islam menganjurkan umatnya supaya mensyukuri nikmat nyawa itu dengan memelihara

dan melindunginya, yakni mengelakkan segala bentuk bencana dan kemalangan yang boleh mengundang kecelakaan, seperti kemalangan jalan raya dan seumpamanya.

### **JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Musim perayaan khususnya Hari Raya Aidilfitri adalah musim paling sibuk bagi pengguna jalan raya dan padanya masa banyak berlaku kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kematian. Bayangkan dalam tempoh 8 hari Op Selamat 5/2014 yang dilaksanakan sempena Hari Raya Aidilfitri tahun lalu sebanyak 10,349 kemalangan jalan raya direkodkan dengan mengorbankan seramai 139 orang di seluruh Negara.

Ini adalah satu situasi yang amat membimbangkan ketika umat Islam sepatutnya bergembira menyambut dan merayakan Hari Raya Aidilfitri sebagai hari kemenangan dan kegembiraan umat Islam.

Ingatlah, kebanyakan kemalangan jalan raya yang berlaku adalah disebabkan oleh kecuaiannya pengguna jalan raya. Memandu dengan laju, memotong secara bahaya, menggunakan telefon bimbit ketika memandu, tidak memakai tali pinggang keledar depan dan belakang, tidak memakai topi keledar bagi penunggang dan pembonceng motosikal adalah sebahagian daripada kecuaiannya yang sering dilakukan oleh pengguna jalan raya.

Bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya, pihak berwajib seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) adalah agensi yang bertanggungjawab mengawal pengguna jalan raya agar selamat sampai ke destinasi masing-masing melalui tindakan penguatkuasaan. Selain itu, Jabatan Keselamatan Jalan Raya juga turut melaksanakan pelbagai kempen kesedaran pemanduan berhemah dan aktiviti khidmat nasihat keselamatan jalan raya kepada para pengguna jalan raya supaya mengamalkan pemanduan berhemah dan bertimbang rasa kepada pengguna jalan raya yang lain.

Tema kempen keselamatan jalan raya bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini ialah “Nyawa Dihargai, Selamat Ke Destinasi, Kemeriahan Dirasai”. Tema ini bertepatan dengan saranan kerajaan agar setiap pengguna jalan raya

Walaupun pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui agensi-agensinya tetapi sekiranya pengguna jalan raya sendiri tidak mengambil tindakan proaktif dalam memastikan perjalanan mereka selamat ketika balik kampung untuk berhari raya, maka selama itulah tragedi yang tidak kita ingini sepanjang musim perayaan akan berlaku dan menghiasi dada akhbar dan media elektronik.

### **JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Khatib ingin menyarankan kepada Jemaah sekalian tentang kaifiat dan kunci penting untuk perjalanan yang selamat, antaranya:

1. Rancanglah perjalanan terlebih dahulu dengan memohon petunjuk Allah Ta'ala
2. Mulakan setiap perjalanan dengan doa dan tawakkal kepada Allah Ta'ala.
3. Membaca doa musafir dan doa kenderaan.
4. Berdoalah agar kita dijauhkan dari segala malapetaka dan kemalangan jalan raya.
5. Pastikan kesihatan fizikal, mental dan emosi pemandu berkeadaan baik sebelum memulakan perjalanan.
6. Pastikan kenderaan yang digunakan telah diselenggarakan.
7. Bersikap sabar ketika memandu supaya keselamatan kita, orang tersayang dan orang lain terjamin, in syaa Allah.

8. Tidak menyalahkan orang lain, jika berlaku kemalangan atau kematian di musim perayaan ini.
9. Hendaklah sentiasa bantu-membantu ketika berlaku kemalangan.

Demikianlah, Islam menganjurkan umatnya berhari raya, bersaudara dan bersatu padu. Seterusnya memastikan perkara-perkara penting dalam menjaga keselamatan kita ketika memandu dan merayakan Hari Raya Aidilfitri yang mulia ini.

Firman Allah SWT:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَسْتَعِيْنُوْا بِالصَّبْرِ وَالصَّلٰوةِ ۚ اِنَّ اللّٰهَ مَعَ الصّٰبِرِيْنَ ﴿١٥٣﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) solat, kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang yang sabar”. (Surah Al-Baqarah, ayat 153)

بَارَكَ اللّٰهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءٰنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَاِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْاٰيٰتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ اِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، اُقُوْلُ  
قَوْلِيْ هٰذَا وَاَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمٰتِ،  
وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنٰتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجٰةَ  
التّٰنِيْبِيْنَ.



Diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah